

Perolehan Pharmaniaga lebih baik

SHAH ALAM 13 Nov. – Kumpulan Pharmaniaga telah mencatatkan perolehan yang lebih baik dalam suku ketiga tahun ini berjumlah RM330.0 juta, meningkat 5.0 peratus berbanding RM314.3 juta yang dicatat dalam suku yang sama tahun lalu.

Pencapaian itu disebabkan terutamanya oleh peningkatan jualan konsesi dan jualan anak syarikat di Indonesia, masing-masing sebanyak 9.3 peratus dan 15.1 peratus..

Meskipun sehingga kini, perolehan Kumpulan berjumlah RM976.9 juta adalah stabil berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008, keuntungan sebelum cukai kumpulan menguncup sebanyak 18.4 peratus kepada RM53.9 juta daripada RM66.1 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lalu.

“Pengecutan itu disebabkan oleh margin keuntungan kasar yang rendah.

“Persekitaran semasa kekal mencabar. Kumpulan meramalkan terdapat sedikit kekurangan dalam unjuran pertumbuhan perolehan dan pulangan ekuiti dalam tempoh setahun penuh,” kata Pengarah Urusannya, Mohamad Abdullah.

Date:

November , 14 Saturday 2009

Placement In Publication :

Bisnes- Page 20

File :

Pharmaniaga